

**SOALAN NO. 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN ROBERT LAU HUI YEW**

**TARIKH : 20 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah setiap murid institut memandu dikehendaki membeli sebuah buku bertajuk Kurikulum Pendidikan Pemandu yang berharga RM13. Mengapakah buku yang lama tidak boleh digunakan semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Buku Teks Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) ini telah distrukturkan mengikut keperluan pembelajaran teori dan praktikal pemanduan selamat yang mana ianya merupakan rujukan asas dan wajib kepada semua bakal pemandu serta pelatih yang boleh digunakan secara berterusan. JPJ mensasarkan setiap pemilik lesen mempunyai satu buku KPP sebagai salah satu inisiatif Kerajaan ke arah melahirkan pemandu yang lebih berhemah, kompeten serta celik undang-undang dan peraturan jalan raya. Setiap buku teks KPP yang dibeli dilengkapkan dengan nombor siri bagi setiap satu buku kepada setiap calon. Calon perlu membeli buku teks KPP tersebut bagi mendapatkan nombor siri untuk menduduki Ujian Bahagian I.
2. Sehubungan dengan itu, penggunaan semula buku KPP tersebut untuk pelajar-pelajar yang baru adalah tidak memenuhi kehendak dan hasrat pihak Kerajaan untuk menjadikan buku tersebut sebagai rujukan tetap setiap pemandu-pemandu di atas jalan raya. Selain daripada itu, terdapat beberapa perkara yang berkaitan undang-undang dan pemanduan yang sentiasa perlu dikemaskini di dalam buku KPP dari semasa ke semasa. Oleh itu, penggunaan semula buku KPP yang lama oleh pelajar baru adalah tidak sesuai mengambil kira peraturan jalan raya dan persekitaran jalan raya yang sentiasa berubah dan dinamik.

Sekian, terima kasih.